

24/06/2004

Hassan perbetul kepincangan tanpa takut

By Ridzuan Yop

KEBERANIAN dan ketegasannya dalam memerangi rasuah, membanteras penyelewengan di kalangan pegawai dan kakitangan awam ketika menerajui beberapa agensi dan jabatan kerajaan, cukup dikagumi.

Walaupun ada segelintir pegawai dan kakitangan awam yang kurang senang dengan tindakannya, rata-rata masyarakat Malaysia khususnya kakitangan awam sendiri memuji keberaniannya dalam menangani gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Usaha bersungguh-sungguh beliau membanteras gejala rasuah turut menerima lampu hijau daripada Kabinet melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan dengan diberi kuasa memberhentikan mana-mana pegawai kanan yang disahkan terbabit dalam penyelewengan.

Beliau adalah Datuk Hassan Ibrahim. Bekas Ketua Pengarah Risda berusia 66 tahun itu menghembuskan nafas terakhir petang kelmarin selepas mengalami sesak nafas di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Pemergiannya adalah satu kehilangan yang sukar dicari ganti kepada negara.

Allahyarham Hassan pernah menerajui beberapa jabatan dan agensi kerajaan seperti Risda, Felda, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) yang kini dikenali Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pada satu ketika, khabar angin beliau akan ditukarkan ke sesebuah agensi kerajaan sudah cukup menggerunkan pegawai dan kakitangan agensi berkenaan, terutama bagi mereka yang `ada kes' sudah tentu tidak mahu beliau menjadi ketua jabatan mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1978 (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) turut memuji Allahyarham ketika Sidang Dewan Rakyat kerana sikap dedikasi yang tinggi terhadap tugas yang diamanahkan kepadanya.

"Dalam mana-mana masyarakat ada sesetengahnya berjaya dalam tugas masing-masing dan sesetengahnya kurang berjaya, ada sesetengahnya dedikasi dan ada pula yang kurang dedikasi.

"Bagi pegawai ini (Hassan)... mungkin mereka ada minat yang lebih dan perasaan tanggungjawab dalam tugas mereka," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan tambahan bolehkah pegawai berkenaan menjalankan tugas lebih daripada arahan dalam Perintah Am.

Hassan yang juga dikenal sebagai `trouble shooter' lahir dalam sebuah keluarga miskin berasal dari Jasin, Melaka, sentiasa mementingkan kesejahteraan rakyat melebihi kepentingan diri.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jasin, Melaka hingga darjah V dan lulus di Sekolah Tinggi Melaka dan memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada 1957 dan dari 1959 hingga 1962 menuntut di Universiti Malaya (UM) hingga lulus ijazah Sarjana Muda Sastera.

Hassan tidak pernah mengenal penat untuk mengetahui sendiri apa yang berlaku pada peringkat bawahan, malah sering menyamar, melakukan lawatan mengejut, menegur secara terbuka dan melakukan tindakan luar biasa.

Beliau pernah mengeluarkan arahan supaya pintu pejabat Risda dikunci bagi kakitangan yang datang lewat dari jam 8 pagi, tindakan yang sama juga dikenakan ke atas mereka yang lewat menghadiri mesyuarat.

"Saya yakin, cara itu dapat mengatasi masalah kakitangan datang lewat dan tidak pernah menepati waktu bekerja," katanya yang meminta kakitangan sentiasa menepati waktu bekerja atau membuat temujanji dengan seseorang atau badan tertentu.

Ketika mendedahkan sikap tegasnya ketika menerajui Risda, Allahyarham pernah berkata; "Saya berasal dari keluarga susah... inilah yang memberi kesedaran dalam diri saya.

"Saya sedar ada sebahagian daripada golongan pekebun kecil kita hidup melarat dengan rumah berdindingkan tikar, berlantaikan buluh dan makan minum tidak menentu dan saya tidak rela melihat mereka ditipu sepanjang hayat mereka.

"Kerajaan memerlukan undi yang banyak daripada golongan pekebun kecil dan semestinya mereka akan menyokong kerajaan jika diberi hak mereka yang sebenarnya," katanya yang pantang melihat sebarang bentuk penyelewengan.

Ketika baru menerajui Risda, beliau pernah menyamar sebagai pelawat sebelum memulakan tugas rasminya untuk meninjau secara dekat semua bahagian di pejabat Risda di Jalan Ampang, tanpa disedari kakitangan agensi berkenaan.

Beliau melawat semua bahagian dari tingkat ke tingkat setiap bangunan di agensi itu dan menghabiskan masa berjam-jam untuk melihat secara dekat pentadbiran dan kakitangan di situ.

Dalam ketegasannya mentadbir sesuatu agensi dan jabatan, beliau sebenarnya sama seperti orang lain yang suka berjenaka, mudah diajak berbicara dan sentiasa mesra dengan sesiapa saja, kecuali dalam soal kerja.

Bagaimanapun, mungkin ramai tidak mengetahui bahawa Allahyarham turut memberikan sumbangan yang besar dalam dunia kesusasteraan Melayu tanah air.

Sebelum muncul sebagai pentadbir awam terkemuka, beliau adalah seseorang sasterawan dan aktivis sastera yang meninggalkan kesan mendalam kepada dunia kesusasteraan negara.

Sepanjang pembabitan awalnya dalam bidang kesusasteraan, beliau sempat menghasilkan tiga novel bertajuk Mengikuti Novel pada 1992; Tikus Rahmat (1963) dan Tragedi Tun Hamzah (1964).

Novel Tikus Rahmat setebal 118 halaman adalah satu-satunya novel satira yang dianggap paling berjaya mencerminkan keadaan ekonomi, sosial dan politik tanah air dan agak berlainan daripada beberapa novel Melayu moden sebelumnya dengan menggunakan watak tikus.

Nama Hassan juga tercatat dalam biografi 100 penulis tanah air dalam buku berjudul Wajah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1988.

"Pemergian Allahyarham satu kehilangan besar khususnya kepada orang Melayu kerana perjuangannya memartabatkan maruah bangsa yang seharusnya sentiasa terus dikenang," kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata, apa juga tafsiran orang ramai terhadap Allahyarham ketika menerajui agensi dan jabatan kerajaan, beliau sebenarnya adalah seorang pejuang yang sentiasa memikirkan maruah bangsanya.

"Ketika orang Melayu tertekan dan kecewa kerana tidak ada orang berani ke depan memperbetulkan kepincangan dalam masyarakat, orang seperti Allahyarham muncul tepat pada waktunya.

"Generasi muda mungkin tidak mengetahui mengenai Allahyarham, namun pengorbanan, komitmen, idea dan jasa beliau terhadap perjuangan orang Melayu wajar dikenang, dikongsi dan diingati," katanya.

Apa pun, usaha Hassan yang segera membetulkan kepincangan tanpa rasa takut dicemuh atau dikecam dengan pelbagai tuduhan wajar menjadi contoh kepada masyarakat keseluruhannya.

Allahyarham sentiasa meletakkan kepentingan awam melebihi kepentingan diri dengan memperjuangkan keadilan, membela kebenaran untuk anak bangsanya serta teguh kepada prinsip. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau.

(END)

